

**Penduduk Gembira Perdana Menteri Umum Pindah Depoh Tahanan
Bernama
30 April, 2013**

BUKIT MERTAJAM, 30 April (Bernama) -- Penduduk di sekitar Depoh Tahanan Warga Asing yang terletak di Perkampungan Juru di sini menyambut baik pengumuman Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memindahkan depoh itu.

Pengumuman dibuat perdana menteri di hadapan 10,000 hadirin di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Tapak Pasar Malam Perkampungan Juru, selepas mengambil kira masalah yang diajukan lebih 15,000 penduduk.

Salah seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Ah Kim, berkata beliau tinggal di kawasan itu sejak dilahirkan dan gembira apabila perdana menteri setuju untuk memindahkan depoh itu.

Katanya tindakan Najib membuktikan bahawa beliau seorang yang sentiasa prihatin dan mengambil tahu masalah rakyat.

"Saya gembira akhirnya ada jaminan kerajaan yang mahu pindahkan depoh yang telah berpuluh tahun beroperasi.

"Ini adadalah bukti sebuah kerajaan yang prihatin. terima kasih perdana menteri," katanya kepada Bernama, di sini Selasa..

Perdana Menteri bersetuju untuk memindahkan depoh tersebut ke satu kawasan yang akan ditetapkan kemudian.

Menurut Najib, perpindahan itu diharap akan memberikan kelegaan kepada kira-kira 15,000 penduduk serta 900 orang pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina True Light.

Seorang lagi penduduk Roziah Jusuh berkata pengumuman itu memang dinanti-nantikan kerana pernah suatu ketika berlaku penyebaran wabak yang dipercayai berpunca dari depoh itu.

"Lega bila dah umum untuk dipindahkan. Kami di sini bimbang masalah kesihatan kerana beberapa tahun lepas ada wabak penyakit daripada air kencing tikus di sini.

"Anak-anak yang belajar di sekolah berhampiran juga pasti gembira," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946495>